

26 JAN 1998

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 26 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini, hari ini untuk lawatan kerja sehari di Kelantan.

Ketika Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri, ketua-ketua jabatan dan orang ramai.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berlepas dengan kereta dari lapangan terbang ke Rumah Sri Kelantan di Jalan Telepot di sini untuk mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri.

Dr Siti Hasmah yang mempunyai jadual berasingan, berlepas dengan kereta untuk melawat Pasar Besar Siti Khatijah di sini dan akan ke Kampung Kubang Laka, Peringat, kira-kira 20 km dari sini pada pukul 4 petang untuk melancarkan Projek Satu kampung Satu Produk.

Beliau juga akan menyampaikan bantuan kepada orang miskin yang disumbangkan oleh Yayasan Kemiskinan Kelantan, di kampung berkenaan.

Pada pukul 5 petang, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan berlepas ke kediaman Annuar di Seri Puri Peringat, untuk majlis berbuka puasa bersama-sama anggota Parlimen, anggota dewan undangan negeri, ketua jabatan dan orang ramai.

Beliau akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 10 malam.

-- BERNAMA

MNR NMO